

TR 3:7:61

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA MAJLIS RAJA-RAJA DI KUALA LUMPUR, PADA 27HB JULAI, 1961

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung,

Duli-duli Yang Maha Mulia dan Tuan-tuan Yang Terutama.

Patek bersama dengan Hamba Tua Datuk Dr Ismail Menteri Keselamatan Dalam Negeri amat sukacita kerana dapat diberi peluang menyebarkan ucapan kepada Majlis Raja-raja pada hari ini. Tujuan ucapan-ucapan ini ialah supaya Duli-duli Yang Maha Mulia dan Tuan-tuan Yang Terutama dapat mendengar dan mengetahui akan perkara-perkara yang mustahak yang berlaku di negeri ini baik dalam hal dalam negeri dan di luar negeri dan juga berkenaan dengan kedudukan siasah di negeri ini. Hamba Tua Datuk Dr Ismail akan menerangkan berkenaan dengan pergerakan Komunis yang dinamakan "Subversif" atau cara meresap dan patek akan menerangkan kedudukan siasah dan perjalanan negeri itu.

Dalam hal luar negeri Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah berdasarkan pada tiga perkara. Pertama, keadilan. Kedua kepercayaan kepada Badan Bangsa-bangsa Bersatu, dan yang ketiga kepada dasar mengadakan kerjasama di antara negeri-negeri yang berdasarkan demokrasi. Di atas dasar inilah Hamba Tua Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah memperjuangkan soal apartheid ataupun beza membeza warna kulit di dalam Persidangan Perdana-perdana Menteri Commonwealth dan di atas dasar ini juga Kerajaan telah menghantar askar-askar ke Congo menolong mengamankan negeri Congo itu. Di atas dasar ini juga Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah mengambil langkah mengadakan kerjasama di dalam hal iktisad dan kebudayaan di antara negeri-negeri di Tenggara Asia, dan sehingga hari ini Siam dan Philippines telah menerima cadangan ini dan yang telah memberi kerjasama. Tidak beberapa lama lagi, pada penghujung bulan ini akan diadakan Persidangan Menteri-menteri Luar di antara ketiga-tiga negeri ini di Bangkok untuk merundingkan perkara-perkara berkaitan dengan hal ini.

Dan lagi bergantung kepada hal ini juga Hamba Tua Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah mengesyorkan supaya diadakan perhubungan yang lebih rapat di antara negeri-negeri Brunei, Borneo Utara, Sarawak, Singapore dan Persekutuan Tanah Melayu. Yang Teramat Mulia itu berpendapat bahawa di negeri-negeri ini sebahagian besar daripada penduduk-penduduknya satu asal dengan penduduk-penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan negeri-negeri ini mempunyai perhubungan yang rapat dalam segi sejarah dan iktisad. Dan negeri-negeri ini akan mendapat kemajuan yang sebenarnya jika mereka itu disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Dan lagi Hamba Tua itu telah mencadangkan juga iaitu ketiga-tiga buah negeri—Brunei, Borneo Utara dan Sarawak patutlah dimasukkan menjadi tiga buah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Berhubung dengan Singapore, kenalah dipertimbangkan berlainan sedikit kerana Singapore telahpun berkemajuan dan mempunyai kerajaan yang berkuasa penuh dalam hal-hal dalam negeri dan lagi Singapore penduduk-penduduknya sebahagian besar daripadanya belum lagi mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tanah Melayu.

Cadangan ini telah menerima tentangan terutama sekali dari pihak Komunis kerana Komunis berpendapat jika negeri-negeri ini disatukan dengan Persekutuan nescaya ini akan menguatkan pihak yang menentang Komunis iaitu Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang ini, dan ini akan mengecewakan tujuan mereka itu hendak merampas kuasa di negeri-negeri Tenggara Asia ini. Dan lagi pihak British pun menentang cadangan ini kerana mereka itu masih suka hendak berkuasa di Brunei, Borneo Utara dan Sarawak dan berkehendak negeri-negeri ini bersatu di antara mereka sendiri sebelum mengadakan perhubungan yang rapat dengan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan daripada pihak British ini tentulah mengambil masa yang lanjut. Dipercayai sebahagian besar rakyat jelata di ketiga-tiga buah negeri ini suka hendak berhubung rapat dengan Persekutuan Tanah Melayu dan memandang kepada Persekutuan Tanah Melayu semata-mata bagi perlindungan, pertahanan dan bagi mendapatkan Kemerdekaan kepada mereka itu.

Pada masa ini perkara ini sangat sibuk diperbincangkan di negeri-negeri ini termasuklah Singapore. Oleh sebab pihak Komunis menentang cadangan ini maka Komunis-komunis yang

menyokong Parti Tindakan Rakyat dahulu di Singapore telah meninggalkan Parti Tindakan Rakyat oleh sebab itu Parti Tindakan Rakyat telah mendapat kekalahan dalam pilihan-pilihanraya kecil baru-baru ini. Kerajaan Parti Tindakan Rakyat yang ada pada masa ini telah menerangkan bahawa mereka menerima di atas dasar cadangan Hamba Tua Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri itu.

Berkenaan dengan hal-hal dalam negeri dasar Kerajaan Persekutuan ialah hendak mengekalkan pentadbiran cara demokrasi yang berparlimen di mana Duli-duli Yang Maha Mulia dan Tuan-tuan Yang Terutama sebagai Raja-raja dan Ketua-ketua yang berlembagaan tidak bertanggungjawab di dalam pentadbiran negeri. Pentadbiran negeri adalah dijalankan oleh parti yang mendapat lebih bilangan dalam pilihanraya, dan parti itulah yang mendokong Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bersama dengan Majlis Kerja Kerajaan yang bertanggungjawab di atas serba-serbi buruk-baik pentadbiran negeri itu. Hanya dengan cara ini sahaja dapat kedudukan Duli-duli Yang Maha Mulia itu dikeluarkan daripada medan perjuangan politik, diselamatkan dan dikekalkan. Akan tetapi, di dalam Demokrasi tak dapat tiada terpaksa diadakan pilihan-pilihanraya bagi sekalian peringkat pentadbiran, dan baru-baru ini telah diadakan pilihan-pilihanraya di peringkat Majlis Bandaran dan Luar Bandar. Dan keputusan pilihan-pilihanraya itu serta perkara-perkara yang dicakapkan oleh ahli-ahli parti-parti siasah dalam pilihan-pilihanraya itu dapatlah menggambarkan cara pergerakan siasah di negeri ini pada masa ini, dan bagaimana pendapat setengah-setengah pihak penduduk negeri ini terhadap beberapa perkara berkaitan dengan pentadbiran negeri. Dalam pilihan-pilihanraya itu, sungguhpun Perikatan mendapat kemenangan yang memuaskan hati, iaitu 426 daripada 578 kerusi, akan tetapi kemenangan itu bolehlah dikatakan semuanya di tempat-tempat yang ada banyak orang-orang Melayu dan di kawasan luar bandar, dan di dalam bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh dan Seremban, Parti Socialist Front dan Parti Progressive (P.P.P.) mendapat suara yang lebih. Pilihan Raya ini jua menunjukkan bahawa Parti yang berfahaman kiri dan berfahaman socialist yang bertambah kuat dan menjadi parti pembangkang yang terbesar sekali. Kemenangan mereka itu ialah disebabkan mereka itu menggunakan politik yang berkauman dan menggunakan perkara-perkara seperti soalan

pelajaran China dan juga soalan kedudukan orang-orang Cina dan bangsa-bangsa asing di Tanah Melayu ini. Sungguhpun perkara-perkara yang tidak baik itu tidak didengar dengan terang daripada ucapan-ucapan ketua-ketua parti-parti itu, akan tetapi dakyah-dakyah yang dibisikkan dari mulut ke se mulut adalah merunsingkan fikiran.

Perkara yang pertama yang disebutkan oleh mereka itu ialah Parti Perikatan itu Parti Puak Kanan atau Parti "Reactionary" yang semata-mata mempertahankan cara "Feudalism" yang di dalamnya termasuklah kedudukan raja-raja—cara ini mereka fikirkan tidaklah bersuai dengan keadaan yang ada sekarang ini. Mereka itu berkata bahawa keadaan "feudalism" ini ialah semata-mata merugikan wang Negara kerana mereka itu tidak nampak yang raja-raja itu mengambil berat di atas hal-hal mereka itu dan berhubung rapat dengan rakyat. Raja-raja ada berkawan-kawan dengan rakyat dan sentiasa disebutkan bahawa wang dibelanjakan kerana mendirikan istana, membeli motorkar-motorkar dan perkakas intan berlian—wang ini lebih baik digunakan kerana berdiri rumah-rumah sakit dan juga sekolah-sekolah. Pandangan yang semacam ini adalah mendapat sokongan daripada bangsa asing, puak-puak yang muda termasuklah juga orang-orang Melayu. Disebutkan juga cara feudalism adalah merosakkan kedudukan ketua-ketua yang dipilih oleh orang ramai kerana mereka itu sentiasa bercampur gaul dengan pihak yang memerintah iaitu feudalist dan lupa kepada rakyat jelata yang memilihkan mereka itu. Nyatalah bahawa orang-orang yang menyokong dan mempertahankan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja ialah orang-orang Melayu daripada pihak UMNO dan juga ahli-ahli Perikatan. Oleh itu jikalau ada perselisihan di antara pihak Raja-raja dengan pihak orang-orang Melayu itu maka susahlah hendak mempertahankan perlembagaan yang ada sekarang ini dan susahlah hendak mempertahankan kedudukan Raja-raja seperti yang ada sekarang ini.

Perkara yang kedua yang disebutkan oleh puak ini ialah Kerajaan Perikatan dengan dasar pelajarannya hendak menghapuskan kebudayaan dan bahasa Cina. Yang ketiganya, Komunis tidak lama lagi akan berkuasa di negeri ini dan mereka-mereka yang tidak menyokong gerakan yang bersimpati kepada Komunis akan diseksai apabila Komunis berkuasa kelak. Inilah perkara-perkara dan dakyah-dakyah yang dibisikkan dari semulut ke semulut yang

'menyebabkan mereka-mereka yang tidak taat setia kepada negara dan yang tidak kokoh pendiriannya telah menyokong Parti Socialist dan Progresif di dalam pilihan-pilihanraya itu.

Oleh sebab hendak mempertahankan dan mengekalkan pentadbiran cara demokrasi maka Kerajaan Persekutuan terpaksa mengambil tindakan yang tegas bagi melawan Komunis itu—satu fahaman yang akan merosakkan demokrasi.

Hamba Tua Datuk Dr Ismail akan menerangkan cara-cara pihak Komunis hendak merebut kuasa negeri ini dengan gerakan subversif. Terpaksalah Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tegas atau positive bagi menentang Komunis ini dan mempertahankan demokrasi. Satu daripadanya ialah mengadakan dasar pelajaran yang boleh menyatukan semua bangsa-bangsa yang duduk di negeri ini supaya mereka itu menjadi warganegara yang taat setia kepada tanah air. Dasar pelajaran ini adalah dikatakan oleh setengah-setengah pihak menghapuskan bahasa dan kebudayaan Cina. Dasar pelajaran ini adalah membenarkan bahasa Cina diajar dari peringkat rendah ke peringkat menengah dan sehingga ke peringkat universiti. Sekarang ini satu Bahagian pelajaran Bahasa Cina telah diadakan di Universiti. Di peringkat rendah sekolah-sekolah bolehlah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar asalkan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dipelajari sebagai bahasa-bahasa yang termesti. Di peringkat menengah sungguhpun dibenarkan mengajar di dalam bahasa lain dalam setengah-setengah perkara, akan tetapi hendaklah digunakan bahasa Melayu atau Inggeris sebagai bahasa pengantar—disebabkan peperiksaan School Certificate atau Sijil Persekutuan mustahaklah menggunakan bahasa Melayu atau Inggeris. Sungguhpun begitu bahasa Cina atau Tamil bolehlah dipelajari sebagai satu perkara yang mustahak. Sekolah-sekolah Cina yang menerima dasar Kerajaan ini adalah diberi bantuan penuh seperti sekolah-sekolah Melayu juga. Sekolah-sekolah rendah Cina bolehlah dikatakan semua mendapat bantuan yang penuh. Berkenaan dengan sekolah-sekolah menengah, Kerajaan telah memutuskan bahawa daripada 1hb Januari, 1962, sekolah-sekolah menengah Cina lah menentukan sikapnya samada hendak menjadi sekolah-sekolah menengah Kebangsaan dan akan diberi bantuan yang penuh ataupun sekolah-sekolah itu menjadi sekolah-sekolah private dengan tidak mendapat bantuan. Sehingga hari ini lebih kurang tiga puluh buah sekolah-sekolah menengah telah bersetuju

berkehendakkan bantuan Kerajaan dan dua puluh buah telah menerangkan mereka tidak hendak menerima bantuan dan dua belas lagi belum memberi keterangan yang sempurna. Oleh itu bermaknalah 50% daripada sekolah-sekolah menengah Cina telah bersetuju hendak menerima dasar pelajaran dan mendapat bantuan penuh dari pihak Kerajaan. Nyatalah bahawa tidak sekali-kali menjadi dasar Kerajaan hendak menghapuskan bahasa ataupun kebudayaan Cina. Bahkan bahasa Cina adalah dibenar, digalakkan dan diajar di sekolah-sekolah yang menerima bantuan dari Kerajaan, dan mulai dari tahun 1962 sekolah-sekolah rendah daripada semua bangsa akan diberi pelajaran yang percuma.

Oleh itu dasar pelajaran Kerajaan itu adalah difikirkan adil pada semua pihak dan akan menjadi satu alat bagi menyatukan kanak-kanak semua bangsa menjadi warganegara yang taat setia kepada negeri ini. Begitu juga Kerajaan menggalakkan perkembangan Bahasa Kebangsaan untuk menyatukan penduduk-penduduk negeri ini. Oleh itu dakwah-dakwah yang diperbuat oleh setengah-setengah parti siasah dan guru-guru Cina yang mengatakan Kerajaan hendak menghapuskan bahasa Cina dan juga memberi layanan yang tidak sempurna kepada sekolah-sekolah Cina itu semata-mata dusta sahaja. Mereka bertujuan hendak memecah-belah rakyat negeri ini. Begitu juga mereka itu bertujuan hendak menarik orang-orang Cina yang tidak kokoh taat setianya kepada negeri ini daripada berkerjasama dengan Kerajaan, dan menjadi warganegara yang mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tanah Melayu.

Langkah yang kedua yang diambil oleh Kerajaan Perikatan ialah membaiki keadaan hidup rakyat negeri ini—dalam bandar dan di luar bandar. Duli-duli Yang Maha Mulia dan Tuan-tuan Yang Terutama telah maklum bahawa Kerajaan Persekutuan telah melancarkan rancangan Kemajuan dan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Patek harap akan mendapat satu peluang pada suatu masa yang lain menerangkan dengan lanjutnya di atas kemajuan-kemajuan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kerajaan Persekutuan adalah memberi keutamaan yang tinggi sekali pada Rancangan Pembangunan Luar Bandar dengan bertujuan supaya rakyat di luar bandar dapat mengecap nikmat-nikmat daripada kemajuan dan kekayaan negeri ini, dan dapatlah keadaan hidup mereka itu diperbaiki supaya mereka itu dapat ditarik daripada dipengaruhi oleh faham Komunis. Begitu juga oleh sebab Kerajaan

Persekutuan yang ada sekarang ini adil dan tegas pendiriannya maka modal-modal dari luar negeri adalah dibawa masuk dengan banyaknya, dan dengan itu beberapa perusahaan-perusahaan dapat diadakan di kawasan-kawasan bandar terutama sekali di Kuala Lumpur. Ini adalah memberi kerja-kerja kepada penduduk-penduduk di bandar.

Inilah sahaja sedikit sebanyak penerangan patek berkenaan dengan perjalanan Kerajaan Persekutuan, kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di dalam dan di luar negeri dan juga berkenaan dengan keadaan siasah di negeri ini pada masa ini.

Sekarang patek pulangkan kepada rakan patek Yang Berhormat Datuk Dr Ismail melanjutkan penerangannya berkenaan dengan pergerakan subversif Komunis dalam negeri.